

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JPJ untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat berkaitan penggunaan dan pemakaian filem penapis haba kenderaan kepada mereka yang ingin membuat permohonan disebabkan masalah kesihatan atau pun keselamatan serta berapakah jumlah yang telah memohon dan berapakah jumlah yang telah diluluskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 telah dipinda dalam tahun 2019 dan berkuatkuasa mulai 8 Mei 2019. Pindaan ke atas peraturan sedia ada mengenai pemakaian lapisan penebat haba yang di pasang di cermin kenderaan motor mengandungi penetapan baharu ke atas kadar ketelusan cahaya tampak (VLT) berdasarkan peratusan seperti berikut:

- a) Kadar VLT pada cermin hadapan pemandu hendaklah tidak kurang daripada 70%; dan
- b) Kadar VLT pada cermin sisi pemandu kiri dan kanan dibenarkan tidak kurang daripada 50%; dan
- c) Manakala bagi lain-lain cermin yang dipasang di belakang baris tempat duduk pemandu, tiada ditetapkan sebarang kadar minima VLT.

Pindaan ke atas kadar VLT ini adalah bagi memastikan peraturan yang diguna pakai oleh Malaysia di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] adalah selari dengan ketetapan *United Nation Regulation (UNR) No. 43 : Uniform Provisions Concerning The Approval Of Safety Glazing Materials And Their Installation On Vehicles* di bawah Perjanjian UN 1958 yang mana negara adalah merupakan negara penjanji kepada Perjanjian tersebut.

Penyeragaman dengan Peraturan UN No. 43 ini akan memastikan salah satu objektif Perjanjian UN 1958 tercapai iaitu menghapuskan *technical barrier to trade* (TBT) menerusi konsep pengiktirafan timbal balik ke atas kelulusan jenis kenderaan dan komponen berdasarkan kepada peraturan UN. Mana-mana kenderaan import baharu atau terpakai dari kalangan negara penjanji yang memenuhi peraturan UNR 43 akan tiada lagi menghadapi isu penjualan dan penggunaannya di Malaysia.

Pindaan juga dilaksanakan susulan kepada keresahan orang ramai yang memohon agar dibenarkan menggunakan cermin yang lebih gelap di atas aspek keselesaan dalam keadaan cuaca negara yang panas dan faktor keselamatan mereka.

Selain itu, pindaan yang telah dilaksanakan telah menggariskan prosidur yang telus dalam aspek permohonan dan kelulusan untuk menggunakan cermin yang lebih gelap atas faktor keselamatan dan kesihatan. Dalam hal ini, butiran syarat dan kaedah permohonan boleh diakses melalui portal rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau di kaunter perkhidmatan pelanggan JPJ bagi mendapatkan maklumat berkaitan proses tersebut.

Semenjak dipinda, hebahan mengenai peraturan ini telah dilaksanakan menerusi pemakluman rasmi / siaran media oleh Menteri Pengangkutan dan hebahan menerusi saluran-saluran komunikasi Kementerian Pengangkutan dan JPJ sama ada menerusi laman web, facebook, di pejabat-pejabat JPJ dan sebagainya.

Berdasarkan statistik permohonan bermula daripada tahun 2019 sehingga kini, JPJ telah menerima sebanyak 1,652 permohonan atas faktor keselamatan dan kesihatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,454 permohonan telah diluluskan manakala 198 permohonan telah tidak diluluskan kerana gagal memenuhi syarat dan kriteria permohonan yang telah ditetapkan.